

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sentiasa komited dan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dalam menangani penyalahgunaan media sosial. SKMM turut memantau dan sekiranya terdapat sebarang kandungan yang bercanggah dengan Akta 588, tindakan penguatkuasaan sewajarnya akan diambil.

Untuk makluman, sepanjang 2014 sehingga Oktober 2015, SKMM telah menerima sebanyak 7 aduan dari orang awam berkenaan kandungan berunsur hasutan yang menimbulkan sentimen anti Malaysia dan menghasut penduduk negeri Sabah serta Sarawak untuk menyokong gerakan meninggalkan Malaysia. SKMM bekerjasama dengan pihak PDRM dalam membantu di dalam siasatan yang dijalankan oleh mereka di bawah Seksyen 4 Akta Hasutan 1948. Daripada 7 aduan tersebut, sebanyak 5 kandungan/halaman telah dimajukan kepada pihak PDRM, dan 1 laman web telah disekat.

Sebarang kes ataupun kesalahan yang dilakukan dalam talian termasuklah penyebaran fitnah di media sosial adalah tertakluk kepada undang-undang sedia ada yang sama seperti kesalahan yang dilakukan di dunia nyata. Antara undang-undang yang berkaitan adalah seperti Akta Fitnah 1957 (Akta 286), Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) di bawah bidang kuasa pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) di bawah bidang kuasa SKMM.